

Headline	Haziq akur terpaksa berehat panjang		
MediaTitle	Kosmo		
Date	17 Feb 2017	Language	Malay
Circulation	197,202	Readership	875,000
Section	Sukan	Page No	59
ArticleSize	151 cm ²	Journalist	N/A
PR Value	RM 5,994		



Haziq akur terpaksa berehat panjang

PENYERANG skuad hoki kebangsaan, Muhammad Haziq Samsul menerima hakikat sekiranya tersisih daripada barisan 18 terbaik untuk menghadapi Pusingan Kedua Liga Hoki Dunia (WHL) di Dhaka, Bangladesh bermula dari 4 hingga 12 Mac ini.

Ia ekoran penyerang berusia 23 tahun itu mengalami kecederaan *hamstring* paha kanan-nya sewaktu bersama Kelab Hoki Kuala Lumpur menentang Tenaga Nasional Berhad (TNB) pada aksi Divisyen Premier Liga Hoki Malaysia (MHL) kelmarin.

Disebabkan itu, Haziq terpaksa melupakan baki dua perlawanan Divisyen Premier MHL dan saingan Piala TNB musim ini setelah dia dinasihatkan berehat untuk tempoh sekurang-kurangnya dua hing-

ga enam minggu.

Justeru, pemain dari Perak itu bersedia menerima apa sahaja keputusan daripada ketua jurulatih skuad kebangsaan, Stephen van Huizen sekiranya namanya tercicir daripada barisan 18 terbaik menghadapi Pusingan Kedua WHL awal bulan depan.

"Paha kanan saya 'meletup' selepas berlanggar dengan Faiz Helmi Jali (pemain TNB) pada 10 minit terakhir perlawanan semalam (kelmarin). Saya tak boleh bangun dan duduk sahaja di tepi padang selepas itu.

"Pagi tadi (semalam) saya melakukan pemeriksaan di ISN (Institut Sukan Negara) dan mendapati otot saya terkoyak 3.2 sentimeter. Jadi saya terpaksa mengambil suntikan dan tidak melakukan pembedahan untuk pulih segera.

"Saya boleh lupakan aksi liga untuk tahun ini dan saya terima setiap keputusan ketua jurulatih (Van Huizen) kerana saya cedera. Saya akan fokus sepenuhnya untuk pulih secepat mungkin," katanya ketika dihubungi *Kosmo!* semalam.

Situasi dialami Haziq itu menyaksikan skuad kebangsaan kini kehilangan khidmat dua penyerang selepas bintang Pasukan Hoki Terengganu, Faizal Saari turut mengalami kecederaan *hamstring* baru-baru ini.

Bagaimanapun, Van Huizen menegaskan, beliau tidak 'pening kepala' untuk mencari pengganti kepada Haziq dan Faizal memandangkan masih ada beberapa penyerang dalam pasukan pembangunan boleh digunakan pada Pusingan Kedua WHL nanti.